

08/03/2000

Penawar Aids perlu kajian saintifik: Marina

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Aids Malaysia meminta kajian saintifik dibuat terhadap penawar virus HIV/Aids yang ditemui oleh Hospital Homeopati Melaka, kerana menganggap ia tidak mampu menghapuskan virus itu.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata pihaknya memandang serius dakwaan pihak hospital itu kerana laporan dibuat selepas rawatan terhadap sembilan responden dalam tempoh singkat iaitu 11 hari.

"Pengurangan peratusan kandungan virus tidak semestinya menggambarkan ubat itu boleh mengubati virus HIV/Aids kerana kemungkinan apa yang berlaku ialah kandungan itu hanya disekat dan tidak dihapuskan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Justeru, Marina meminta penyelidikan yang mendalam dibuat terhadap ubat itu sebelum ia boleh disahkan sebagai penawar HIV/Aids.

Beliau berkata, orang ramai hendaklah dimaklumkan jika ubat itu hanya mampu menyembuhkan petanda HIV/Aids dan tidak bertindak sebagai penawar virus berkenaan.

"Ubat itu mungkin mampu menghilangkan tanda virus HIV/Aids tetapi sebenarnya ia tidak boleh menghapuskan virus itu. Jadi virus itu tetap berada dalam badan dan boleh melemahkan sistem pertahanan badan," katanya.

Sehubungan itu, Marina meminta pembawa dan pengidap virus HIV/Aids supaya berwaspada dengan setiap dakwaan yang dibuat pelbagai pihak mengenai sebarang penemuan penawar virus itu.

Selain itu, beliau juga menafikan dakwaan bahawa pihaknya memberikan kerjasama dengan hospital berkenaan ketika mereka menjalankan kajian itu.

(END)